

**Najib, Rosmah Hadiri Majlis Khatam Al-Quran Di Seri Perdana  
Bernama  
3 Ogos, 2013**

PUTRAJAYA, 3 Ogos (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak dan isteri Datin Seri Rosmah Mansor menghadiri Majlis Khatam Al-Quran di Seri Perdana di sini Sabtu.

Rosmah bersama lima rakannya khatam al-Quran dengan dibimbing Ustaz Subki Othman.

Turut hadir isteri Timbalan Perdana Menteri Puan Sri Noorainee Abdul Rahman, Menteri di Jabatan Perdana Menteri Nancy Shukri, Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat Datuk Rohani Abdul Karim.

Najib dan Rosmah kemudian berbuka bersama 450 tetamu yang turut disertai anggota Badan Amal dan Kebajikan Tenaga Isteri-Isteri (Bakti), Persatuan Suri dan Wanita Perkhidmatan Awam (Puspanita) serta 180 anak yatim.

Perdana Menteri turut memberi sumbangan Aidilfitri kepada anak yatim berkenaan.

-- BERNAMA

Copyright © 2013 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=968174>